

1103/2
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT
JULAI 2026

NAMA :

KELAS :



**MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026**

**BAHASA MELAYU
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada guru pengawas pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja tak transitif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja tak transitif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Bangunan putih seperti White House dan United States Capitol di Washington D.C berdiri megah sebagai mercu tanda negara. Setiap tahun, pelancong datang untuk melihat pusat pemerintahan dan merakamkan kenangan. Mereka berjalan di National Mall untuk menikmati pemandangan sambil mengambil gambar dan membaca papan maklumat sejarah. Kemudian, sesetengah pengunjung berehat di bangku taman sambil menikmati angin petang. Pada waktu senja, semua pengunjung pulang ke penginapan masing-masing dengan kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tarikan Sosiobudaya Amerika Syarikat'
oleh Pamela Lanyau,
Dewan Siswa, Bil. 1/2021

[8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Bina tiga ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang diberikan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang dicondongkan dalam petikan.

Dalam konteks pendidikan di sekolah rendah, *perasaan kekitaan* mendorong murid untuk mengekalkan serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang kaum. Oleh itu, *guru sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah* perlu merangka aktiviti yang melibatkan pelibatan murid daripada pelbagai kaum. Sebagai contoh, guru boleh menjalankan aktiviti perbincangan dalam kumpulan. Murid yang terdiri daripada pelbagai kaum akan membincangkan perihal agama dan kepercayaan masing-masing secara berkumpulan dengan pemantauan daripada guru. Murid berpeluang untuk berkomunikasi serta menyuarakan pendapat dengan yakin dan kreatif *menerusi perbincangan dalam kumpulan*. Aktiviti ini menepati hasrat KSSR untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad ke-21, iaitu mahir berkomunikasi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Elemen Kewarganegaraan Membentuk Jati Diri Nasional'
oleh Muhammad Najwan Shahidan
Dewan Masyarakat, Bil 07/2025

[6 markah]

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Setiap insan yang lahir ke dunia ini tidak pernah terpisah dari kasih sayang dua insan yang paling berjasa, iaitu ibu dan bapa. Tanpa pengorbanan mereka, mustahil seseorang anak mampu membesar dengan sempurna. Oleh itu, sambutan Hari Ibu Bapa bukan sekadar acara tahunan, sebaliknya menjadi medan untuk masyarakat melahirkan penghargaan terhadap pengorbanan mereka. Sebelum mengenal guru di sekolah, anak-anak terlebih dahulu belajar bertutur, beradap dan mengenali nilai kehidupan melalui didikkan di rumah. Kata-kata nasihat, tunjuk ajar serta contoh teladan yang ibu bapa pamerkan menjadi asas pembentukan sahsiah anak-anak. Kesimpulannya, ibu bapa ialah anugerah yang tidak ternilai dalam hidup setiap insan. Oleh itu, Hari Ibu Bapa wajar dirai sebagai simbol penghormatan terhadap insan yang menjadi asas kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Hari Ibu Bapa: Menghargai Insan Paling Berjasa'
<https://www.scribd.com/>

[6 markah]

Bahar 2



★ TERMA DAN SYARAT-SYARAT ★

1. Promosi hebat ini sah berlansung dari 8 Mei 2025 hingga 18 Jun 2025 sahaja.
2. Promosi hebat:
 - i) Ahli: Promosi hebat 50% + 10% bagi setiap pembelian seluar kedua mengikut harga jualan terendah
 - ii) Bukan Ahli: Promosi hebat 50% sahaja untuk setiap pembelian seluar kedua mengikut harga jualan terendah
3. Promosi hebat ini sah untuk seluar yang terpilih sahaja.
4. Promosi hebat ini terbuka pada semua pelanggan.
5. Tiada had kuantiti pembeli yang ditetapkan.
6. Mata ganjaran boleh dikumpul melalui promosi hebat ini.
 - *Seluar yang dibeli TIDAK BOLEH ditukar sama ada dalam bentuk barangan mahu pun wang tunai.
 - **Gambar hanya untuk dokumentasi sahaja.

 www.pasarrayaria.com

 @pasarrayaria



 www.pasarrayaria.com

 @pasarrayaria

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?"

Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi Sejadah Rindu.,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Pencemaran sungai membawa kesan yang besar dalam kehidupan manusia dan juga alam sekitar. Sungai-sungai yang ada pada hari ini hanyalah indah khabar daripada rupa kerana hampir kehilangan keupayaan untuk menyokong kehidupan akuatik. Dari sudut tadbir urus, pengurusan sungai melibatkan pelbagai agensi dengan peranan dan bidang kuasa yang berbeza tetapi saling bekerjasama kerana ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni. Akhirnya, isu pencemaran sungai mengingatkan kita bahawa air bersih perlu dijaga dan dipelihara. Jika tidak, semua usaha kita akan menjadi batu penghalang kelestarian alam sekitar pada masa hadapan.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN*[35 markah]*

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Dalam usaha membina generasi muda yang celik kewangan, kita perlu kembali kepada nilai asas yang menekankan kepentingan perbelanjaan yang terkawal dan pemisahan jelas antara keperluan dan kehendak. Kehidupan moden yang dipengaruhi budaya konsumerisme sering mengaburkan perbezaan ini sehingga kehendak seperti telefon pintar terkini atau kenderaan mewah dianggap sebagai keperluan. Pada hakikatnya, kemampuan untuk hidup secara berhemat mencerminkan disiplin peribadi dan kebijaksanaan dalam memahami batasan serta mengutamakan perkara yang benar-benar penting. Langkah terbesar dalam membetulkan pemikiran yang tersasar ini terletak pada penjajaran cara pandang generasi muda terhadap dunia yang lebih rasional dan berpaksikan nilai-nilai sebenar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Anak Muda dan Hutang, Realiti Di sebalik Kemewahan'
oleh Shah Mohd. Akmal Abdul Halim,
Dewan Masyarakat, Bil. 02/2025

Bahan 2

Pelajar yang celik kewangan sudah pasti akan membezakan antara konsep keperluan dengan kehendak setiap kali ingin melakukan perbelanjaan. Apabila pelajar dapat membezakan antara kedua-dua konsep ini, mereka akan merangka perbelanjaan mengikut keperluan dan membina senarai perbelanjaan *mengikut keutamaan* dengan baik. Mereka dapat berbelanja mengikut peruntukan sedia ada dan tidak berbelanja secara berlebihan. Menurut laporan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat, remaja mampu mengurangkan risiko terjerumus dalam hutang yang tidak terkawal pada masa hadapan. Oleh itu, pendidikan kewangan bukan sahaja berfungsi untuk membimbing pelajar dalam pengurusan kewangan yang bijak, malah memupuk nilai positif seperti kesederhanaan, berjimat cermat dan bertanggungjawab.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Celik Kewangan Cemerlang Masa Hadapan’

oleh Mahthir Jaafar,

Dewan Siswa, Bil 09/2025

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mengikut keutamaan*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan mengamalkan perbelanjaan berhemat.
[3 markah]
- (iii) Pelajar kini tidak dapat membezakan antara keperluan dan kehendak dalam perbelanjaan harian. Hal ini boleh menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada mereka.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan tersebut?

[4 markah]

- (iv) Anda mendapati rakan baik anda sering membeli barangan mengikut trend di media sosial tanpa merancang perbelanjaannya terlebih dahulu. Akibatnya dia terjebak dengan masalah kewangan yang serius.

Sebagai seorang rakan yang prihatin, cadangkan tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk membantunya?

[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Sejak dahulu, dia sering mendengar pidato, “Tuan-tuan dan puan-puan, sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport, sedangkan kita ada ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif. Mengapakah kita bergantung pada beras, ikan, daging, ayam, dan sayur-sayuran import? Keadaan ini akan membahayakan kita kalau terjadi sesuatu bencana. Kerajaan mengutamakan bidang pengeluaran makanan kerana ini soal keselamatan negara.”

Pemimpin tertinggi sendiri pernah berkata, “Rakyat mesti membuka mata dan melihat potensi yang ada dalam bidang pertanian. Saya menyeru kepada rakyat sekalian agar merebut peluang ini, terutama ribuan siswazah Melayu yang masih menganggur. Kerajaan menyediakan banyak peluang terutama kepada keistimewaan dalam Dasar Ekonomi Baru. Ada pelbagai bantuan dan skim pembiayaan untuk projek pertanian yang dikendalikan oleh sebuah bank khusus.

Dipetik daripada
Cerpun ‘Kaduk, Ayam dan Raja’ oleh Zurina Hassan
Antologi Jaket Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Bahan 2**BENIH HARAPAN DI BUMI MALAYSIA**

Di hamparan sawah yang menghijau
petani menabur keringat dan doa
tanah subur menjadi saksi
rezeki datang bersama usaha.

Jentera bergerak mengganti tenaga
teknologi moden mula menyapa
subsidi benih dan baja diberi
latihan dan ilmu menjadi bekal.

Wahai generasi pewaris negara
pertanian bukan lagi kerja lama
bidang pertanian penuh potensi
memakmurkan Malaysia selamanya.

Puspawangi Kemboja
Temerloh, 2026

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah yang terjadi pada tanah ratusan ribu ekar?

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **setiap bahan**, terdapat beberapa bantuan kerajaan yang disediakan untuk memajukan bidang pertanian.

Senaraikan bantuan-bantuan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Agropelancongan ialah aktiviti pelancongan yang berasaskan sektor pertanian seperti memetik buah strawberi di ladang Cameron Highlands dan menikmati pemandangan sawah padi di Sekinchan, Selangor.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan agropelancongan kepada ekonomi penduduk setempat?

[3 markah]

- (iv) Ahmad merupakan graduan bidang kejuruteraan tetapi gagal mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusannya. Dia bercadang untuk menceburi bidang pertanian sebagai petani moden.

Sebagai rakan yang prihatin, berikan cadangan bagi merealisasikan impiannya.

[4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

8 *Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Selesai solat, kedua-dua keluarga mendapat khabar tentang keadaan Muhammad Taufik yang semakin baik, namun belum sedar lagi. Tan Sri Muhaimin pergi ke bilik yang menempatkan anaknya dan merenung dari luar. Tan Sri Muhaimin melihat ke dalam wad anaknya melalui tingkap kaca gelap. Dia hanya boleh melihat samar-samar sekujur tubuh anaknya dalam gelap. Cahaya lampu dari koridor, terpantul pada permukaan cermin tersebut. Dalam masa sesaat, kelihatan seperti kelip-kelip sedang berterbangan mengelilingi tubuh anaknya. Ataupun cahaya itu ialah bintang-bintang yang sesat di bumi. Tan Sri Muhaimin tergamam, dia sedar itu hanya pantulan cahaya di atas cermin gelap. Tetapi dia sendiri yang memberi makna kepada hayat anaknya yang terpuji itu. Dia berdoa, Ya Allah, selamatkanlah anakku yang seorang ini.

Dipetik daripada *novel Bimasakti Menari*
oleh Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia)

Nyatakan tindakan-tindakan Tan Sri Muhaimin setelah mendapat khabar tentang keadaan Muhammad Taufik.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang menunjukkan kesungguhan watak menyelesaikan masalah bagi setiap novel.

[6 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]**

- 9 *Baca petikan dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung pada kemantapan dan keutuhan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat. Hubungan yang erat antara jiran dalam masyarakat merupakan ciri masyarakat yang berkualiti. Semangat kejiranan dapat memainkan peranan yang amat penting dalam menjana kehidupan setempat yang aman dan harmoni. Namun, kerukunan hidup berjiran pada masa ini semakin luntur berikutan realiti kehidupan kini dikelilingi oleh manusia yang berbeza-beza.

Salah satu cabaran utama yang menyebabkan semangat kejiranan semakin sukar dipupuk ialah perubahan gaya hidup masyarakat yang semakin sibuk. Kos sara hidup yang tinggi memaksa individu bekerja sepanjang hari bagi mencari rezeki untuk menyara keluarga. Masyarakat pada hari ini sibuk dengan kerjaya dan urusan keluarga sehingga tiada masa untuk bertegur sapa. Tambahan pula, kurangnya aktiviti komuniti seperti gotong-royong, rumah terbuka atau sukaneka juga menjadi penyumbang kepada kekangan untuk memupuk semangat kejiranan. Perkara ini dapat diatasi jika masyarakat saling mengamalkan dan menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti sikap berlapang dada, bertolak ansur dan saling memahami. Kita mestilah menyemarakkan budaya kunjung-mengunjung dalam kalangan masyarakat untuk memupuk dan mengekalkan semangat kejiranan.

Dalam dunia yang semakin moden, peningkatan kes jenayah dan penipuan menyebabkan sesetengah individu lebih berhati-hati serta kurang mempercayai orang lain, termasuklah jiran sendiri. Demi kesejahteraan masyarakat setempat, Rukun Tetangga dan Kawasan Keselamatan Kejiranan (KRT) boleh mengadakan perjumpaan berkala untuk membincangkan isu-isu kejiranan. Sikap negatif seperti buruk sangka dan iri hati juga perlulah dikikis. Sememangnya diakui bahawa memupuk semangat kejiranan perlu dilakukan dengan gigih dan berterusan kerana jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Oleh itu, kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi menjamin keharmonian dan kestabilan sosial.

‘Dipetik dan diubah suai daripada
Kejiranan, Cara Kekalkan Hubungan Baik,
oleh Ahmad Tarmizi Zakaria,
Utusan Malaysia

Bahan 2

SERTAI TELEGRAM @exercise_students